

HUKUM SEKAT HAID DENGAN PIL HORMON UNTUK MEMBOLEHKAN BERPUASA

DI BULAN RAMADHAN

Ramadhan merupakan bulan yang penuh dengan rahmat dan keberkatan serta setiap ibadah yang dilaksanakan akan digandakan pahala. Umat Islam sentiasa menantikan bulan yang penuh mulia ini dengan harapan dapat melaksanakan ibadah puasa sebulan penuh khususnya kaum wanita.

Namun secara fitrahnya wanita mempunyai cabarannya yang tersendiri. Salah satu cabaran terbesar bagi kebanyakan wanita adalah tidak berupaya untuk berpuasa penuh sepanjang bulan Ramadhan kerana didatangi haid. Oleh itu, pengambilan pil hormon adalah usaha untuk melambatkan kedatangan haid.

Para ulama' telah bersepakat bahawa wanita yang dalam keadaan haid diharamkan baginya untuk berpuasa. Sekiranya dia tetap berpuasa maka puasanya adalah tidak sah sama ada puasa tersebut merupakan puasa wajib, sunat, kafarah atau nazar. Ini berdasarkan sabda Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

"Tidakkah seorang wanita itu apabila dia datang haid dia tidak boleh solat dan tidak boleh berpuasa."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 1951)

Walau bagaimanapun, wajib ke atas mereka untuk menggantikan puasa fardu yang ditinggalkan apabila mereka suci daripada haid sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

"Seorang wanita telah bertanya kepada Aisyah *Radhiallahu 'anha*: Adakah perempuan haid itu perlu mengqadha' solatnya apabila dia telah suci? Lantas Aisyah menjawab: Adakah kamu Haruri? Kami telah pun datang haid di zaman Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* kemudian kami telah suci, maka baginda memerintahkan kami untuk mengqadha' puasa (yang ditinggalkan kerana haid) tetapi tidak memerintahkan untuk mengqadha' solat."

(Hadis Riwayat al-Nasaie, no. 2318)

Daripada hadis-hadis di atas, wanita yang dalam keadaan haid dilarang untuk berpuasa. Antara hikmah larangan puasa bagi wanita haid ialah:

1. Merupakan perkara ta'abbudiy (ibadah mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata'ala*).
2. Haid merupakan fitrah wanita dan mempunyai hikmahnya tersendiri. Keluarnya darah haid akan melemahkan tubuh dan apabila berpuasa tentunya ia boleh memudaratkan tubuh.

Secara umumnya pengambilan pil hormon bagi melambatkan haid untuk berpuasa penuh di bulan Ramadhan adalah harus selagi tidak mendatangkan kemudharatan. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik jika wanita tersebut tidak mengambil sebarang ubat-ubatan bagi melewati haid kerana dikhuatiri boleh mengganggu kitaran haid.

Syariat yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* pasti mempunyai hikmah dan kelebihan. Kita sebagai hamba-Nya perlu redha menerima ketentuan Allah *Subhanahu wata'ala* bahawa fitrah wanita akan mengalami kitaran haid. Ia juga memberi rukhsah kepada wanita untuk berbuka ketika haid dan menggantikannya pada bulan-bulan yang lain. Walau bagaimanapun, wanita yang haid masih boleh merebut keistimewaan Ramadhan dengan melaksanakan ibadah-ibadah lain seperti berzikir, membaca buku yang bermanfaat, menghadiri majlis ilmu, mendengar bacaan al-Quran, bersedekah dan sebagainya.

جَابِرٌ مُّفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK